

'Haram hisap vape untuk keseronokan'

» Hukum bertukar jadi harus jika pengguna berniat untuk berhenti merokok

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Menghisap vape dengan niat untuk keseronokan atau mengikut gaya hidup terkini adalah haram mengikut hukum syarak.

Pensyarah Kanan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr Zaharuddin Abd Rahman, berkata umat Islam yang tidak pernah merokok dan bukan perokok tegar diharamkan menghisap vape.

Beliau berkata, antara empat penjelasan vape diharamkan bagi

mereka adalah ia mempunyai kesan mudarat berikutan kandungan nikotin dan dibuktikan kajian saintifik.

"Keselamatan peranti vape dan produk berkaitan dengannya seperti cecair perisa juga belum diuji sepenuhnya, selain ia mencerminkan budaya tidak sihat dan bercanggah dengan norma masyarakat.

Ganggu individu lain

"Bau dan asap vape turut mengganggu individu lain, terutama kanak-kanak dan ibu yang sering terganggu dengan kesan rokok elektronik ini," katanya menerusi akaun Facebook miliknya, semalam.

Kelmarin, kerajaan mengambil keputusan untuk tidak mengharumkan penggunaan atau penjualan vape di negara ini, namun Kementerian Kesihatan akan mengkaji ruang perundangan bagi mengetatkan peraturan mengenainya.

Zaharuddin berkata, mengikut hukum syarak, penggunaan vape

dengan niat mahu berhenti merokok adalah harus, namun ia boleh diperhalusi mengikut beberapa aspek.

Katanya, perokok mesti mempunyai rancangan mengikut tempoh sehingga dia boleh berhenti menghisap vape, selain mengurangkan kadar nikotin secara berperingkat.

"Mereka juga tidak boleh mengubahsuai vape kandungan cecair secara sesuka hati atau menggunakan bahan tiruan kerana mudaratnya mungkin lebih teruk.

"Jangan menghembuskan asap vape di tempat awam atau kepada orang sekeliling, selain ketika pemanduan kerana ia menghalang pemandangan dan boleh menyebabkan kemalangan.

"Kos bulanan digunakan untuk vape juga perlu dikurangkan berbanding belanja membeli rokok, selain menjaga hubungan dengan keluarga," katanya.

Kesan jangka panjang

Timbalan Dekan Penyelidikan dan Akademik, Fakulti Perubatan dan



Vape merupakan inovasi daripada bentuk rokok konvensional menjadi 'rokok versi moden'.
[FOTO MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN/BH]

Sains Kesihatan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof Madya Dr Rafidah Hanim Mokhtar, berkata kebimbangan dalam kalangan masyarakat kini terarah kepada peningkatan pengguna vape yang tidak merokok sebelum ini.

Pola baharu itu, katanya, mengundang kesan jangka panjang kerana sistem pernafasan mereka tidak pernah terdedah kepada wap air yang dicampur ce-

cair dan nikotin.

"Pengguna seperti ini akan lebih mudah ketagih terhadap vape, sekali gus menyebabkan kesan kesihatan yang sarnia seperti rokok," katanya.

Rafidah berkata, kajian menggunakan tikus makmal yang dikendalikan agensi luar negara antara lain mendapati dua daripada 10 haiwan berkenaan mati apabila didedahkan asap vape.